



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK  
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**MAJLIS HARI UCAPAN PENANG FREE SCHOOL  
KALI KE-206 TAHUN 2022**

**PADA 21 OKTOBER 2022 (JUMAAT) JAM 8:15 PAGI  
DI PENANG FREE SCHOOL**

*Bismillahirahmanirrahim*

**YBhg Tuan Hj Abdul Rashid bin Abdul Samad**

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang,

**YBhg Tuan Yusof bin Shaari**

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut,

**Yang Berusaha Encik Syed Sultan bin Shaik Oothuman**

Pengetua Penang Free School,

**YBhg Tan Sri Dato' Seri Hj Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir**

Wakil Bekas Pelajar Penang Free School,

**Yang Berusaha Encik Shaari bin Yusof**

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Dan Guru (PIBG)  
Penang Free School,

YBhg. Dato'-Dato' dan Datin- Datin,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Para pelajar, hadirin dan hadirat sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat ALLAH SWT di atas segala nikmat kurnianya dan dengan izinnya juga kita dapat bersama-sama menghadiri Majlis Hari Ucapan Penang Free School (PFS) kali 206 Tahun 2022 pada pagi yang mulia ini.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengetua, Penolong Kanan, PIBG serta semua warga PFS di atas jemputan untuk saya menghadiri dan memberi sedikit ucapan pada Majlis yang sungguh bermakna kepada murid dan para guru sekolah ini.

3. Ucapan tahniah dan syabas saya tujukan kepada semua yang terlibat bagi menjayakan Majlis ini.

4. Sebenarnya ketika melangkah masuk ke sekolah ini, saya amat teruja, kerana PFS, yang diasaskan pada tahun **1816** merupakan sekolah Bahasa Inggeris yang pertama dan tertua di wilayah Asia Tenggara. Saya percaya bagi alumni yang pernah mendapat pendidikan di sekolah ini sudah tentu mempunyai rantaian peristiwa menarik yang pastinya menjadi catatan sejarah yang tidak dapat dilupakan.

### **Hadirin yang dihormati sekelian,**

5. Kerjaya dan peranan seseorang guru di sekolah adalah amat penting sekali. Ianya bukan untuk memperolehi gelaran hartawan apatah lagi menjadi jutawan. Dari segi agama, tugas guru amatlah mulia dan merupakan satu ibadah. Guru berperanan sebagai **Arkitek Ilmu** untuk membina tamadun sesuatu bangsa.

Guru juga di pertanggungjawabkan untuk membangunkan rakyat melalui Dasar Pendidikan Negara dan Falsafah Pendidikan Negara. Para pelajar pula bukan sahaja datang ke sekolah untuk menimba ilmu semata-mata, tetapi untuk memperolehi pendidikan yang holistik dalam sistem pendidikan negara yang mampu melahirkan modal insan yang berketerampilan sebagai generasi pewaris negara.

6. Pendidikan nasional dirangka dengan tujuan menyediakan peluang kepada individu untuk meningkatkan taraf hidup serta menjadi ahli masyarakat yang berjaya, yang dapat menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara. Pelbagai perubahan, penyesuaian dan transformasi telah berlaku dalam sistem pendidikan negara semenjak kemerdekaan bagi membentuk sebuah negara maju mengikut acuan kita sendiri. Bagi memenuhi hasrat ini, pelbagai usaha perlu dilaksanakan oleh semua pihak untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kita harus sedar bahawa persekitaran yang bersifat kompetitif pada hari ini memerlukan murid yang mampu berfikir dengan lebih kritis, kreatif, dan inovatif. Saya berpendapat aspek ini adalah penting difahami sepenuhnya dalam konteks sistem pendidikan negara sekarang ini yang sering dipertikaikan oleh beberapa pihak tertentu di dalam dan di luar negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Saya dimaklumkan bahawa tema Hari Ucapan pada tahun ini ialah '**PFS Sejahtera Pencetus Murid Gemilang**'. Saya rasa tema ini adalah bertepatan sekali, sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk melahirkan modal insan yang holistik demi pembinaan negara serta bangsa yang berkualiti dan berkarismatik. Kegemilangan sesebuah tamadun bergantung kepada ilmu pengetahuan. Belum ada tamadun yang membangun tanpa masyarakat yang berilmu. Jatuh bangun sesuatu tamadun adalah ditentukan oleh tahap penguasaan ilmu serta sejauh mana ilmu itu dibudayakan sepenuhnya dalam masyarakat.
  
8. Dalam hal ini sukacita saya menzahirkan ucapan syabas kepada semua para warga pendidik PFS yang telah mengorbankan masa dan tenaga untuk menggilap bakat generasi muda bagi memenuhi harapan negara untuk merangkul pelbagai kejayaan dengan cemerlang. Peranan dan sumbangan PFS selama ini sememangnya diiktiraf dan disanjung tinggi. Oleh yang demikian, adalah penting kecemerlangan tersebut dijadikan sebagai batu loncatan untuk terus cemerlang dengan lonjakan saujana bagi mengharumkan nama sekolah ini di persada negara, sekaligus memartabatkan nama PFS di peringkat antarabangsa.

9. Kepada penerima anugerah pada tahun ini, sekalung tahniah untuk anda semua. Kejayaan yang dicapai hasil usaha gigih anda wajar diberikan pengiktirafan dan penghargaan sebagai pembakar semangat kepada pelajar-pelajar yang lain.

10. Perlu diingatkan bahawa segala kejayaan yang digapai pada hari ini, tidak seharusnya melekakan kita. Sebagai insan di muka bumi ini, kita perlu tempuh pelbagai cabaran. Segala kegagalan yang dihadapi bukan bererti titik penamat. Sebagaimana pernah diungkap Pak HAMKA, ***“Jangan takut salah, kerana dengan kesalahan yang pertama kita dapat menambah pengetahuan untuk mencari jalan yang benar pada langkah yang kedua.” Kita sebenarnya digalakan untuk tidak takut kapada kegagalan tetapi belajar daripada kegagalan dan bangkit semula untuk mencapai kejayaan.***

Hadirin yang dihormati sekelian,

11. Akhir kata, saya berdoa agar legasi kecermelangan PFS dapat terus dikenalkan. Saya sedar bahawa ini bukan sesuatu yang mudah. Adalah penting bagi semua pihak yang berkepentingan membulatkan tekad dan keazaman yang tinggi untuk menyokong dan menyumbang dalam apa jua bentuk serta aktiviti bagi meningkatkan status dan kualiti sekolah serta kemenjadian murid PFS keseluhurannya.

12. Kepada seluruh warga Penang Free School, saya ucapkan **ALL THE VERY BEST** dan teruskanlah usaha murni demi kepentingan pendidikan generasi pewaris negara.

13. Dengan ini dan dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Ucapan Penang Free School Kali Ke-206.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahitaufik Walhidayah,*

*Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*